

MEMACU MISI PERJUANGAN UMMAH

Mukadimah

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah rabbi alamin. Wassolatu wassalamu ala Rasulillah. Wa ba'du.

Saya mengalu-alukan kehadiran tamu-tamu undangan daripada pelbagai pertubuhan.

Alu-aluan juga kepada ahli JKP Isma sesi lepas, perwakilan-perwakilan dan para pemerhati yang datang dari pelbagai pelusuk dan lapisan.

Uhayyikum bithiyyatil Islam, tahiyatan mubarakatan min indilLah; Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dua tahun sudah berlalu. Banyak peristiwa yang telah berlaku di dalam dan di luar negara. Mesyuarat agung yang kita jadual berlangsung pada 12 Mac 2008 terpaksa kita tangguhkan kerana bertembung dengan tarikh pilihan raya umum yang membawa natijah yang penuh dramatis.

Pada tahun ini, atas sebab-sebab tertentu kita percepatkan tarikh mesyuarat perwakilan ke bulan Januari lalu membawa kita terperangkap dalam suasana pilu tentera Zionis menyerang umat Islam di Palestin yang mengakibatkan lebih lima ribu cedera dan lebih seribu orang meninggal dunia.

Satu *intifadhah* berlaku. Umat Islam seluruh dunia bangkit menentang keganasan Israel dan memaksa tentera Zionis keluar dari bumi Gaza dalam keadaan yang hina. Kecekalan pertahanan perjuangan dan sokongan umat Islam seluruh dunia telah memaksa Israel mengaku kalah.

Saudara saudari sekalian,

Umat Islam masih lagi berada dalam keadaan baik. Kita boleh ucapkan kepada Barat, Zionis dan tali barut mereka di kalangan umat Islam: "*Jangan kamu bersikap melampau. Kamu beruntung kerana Israel cepat berundur. Jika bukan dengan pengunduran tersebut, nescaya satu intifadhah dan jihad akbar akan berlaku di seluruh dunia.*"

Saya percaya selama iman masih di dada, al-Quran dan Sunnah masih menjadi pegangan, umat ini akan tetap bangkit.... tunggulah masanya.

Saudara saudari sekalian,

Kadang-kadang apabila kita mengukur kekuatan dari segi kebendaan, ia membuatkan kita merasa tiada jalan untuk menang.

Musuh menguasai politik, ekonomi, ketenteraan, media, teknologi dan sebagainya lantas mengatasi umat Islam dalam semua aspek. Bagaimana dan bila kita boleh menang?

Jawapan saya; kekuatan umat Islam pada al-Quran dan Sunnahnya. Selama umat Islam berpegang dengan kedua-dua pegangan tersebut, mereka tidak akan dikalahkan.

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang mana kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang kepada kedua-duanya Kitab Allah dan Sunnahku.” (Hadis riwayat Imam Malik)

Perhatikanlah semua agama yang ada kini telah luput *solahiyyahnya* (habis tempoh sah guna). Perhatikanlah agama Kristian, Buddha, Hindu dan yang lainnya. Agama itu sudah tiada pengamal ajarannya dan ajarannya tidak lagi relevan untuk diamalkan. Jika tidak ada kepentingan politik di sebaliknya, sudah tentulah ia tidak wujud lagi.

Sebaliknya Islam semakin hari semakin berkembang, semakin kuat dan hujah serta hidayahnya sedang menyerang masyarakat Barat sendiri.

“Sesungguhnya kami yang menurunkan peringatan (al-Quran) dan kami yang akan memelihara kesinambungannya.” (Al-Hijr: 9)

Begitulah juga nasib yang menimpa ideologi-ideologi yang dicipta oleh manusia. Sosialis dan komunis sudah berakhir. Kini tiba giliran kapitalis pula. Krisis ekonomi Amerika Syarikat yang memberi kesan menyeluruh kepada dunia yang sedang dan bakal kita hadapi merupakan petanda bahawa zaman kapitalis juga akan tamat. Mata-mata manusia sekarang menoleh kepada sistem Islam.

Saudara saudari sekalian,

Dakwah kita adalah dakwah ad-Din, dakwah agama, hujah dan cahaya fitrah. Kita pun faham bahawa Islam itu syumul merangkumi seluruh aspek kehidupan. Tetapi sering kali manusia berlebihan khususnya apabila berlalu masa yang panjang untuk satu-satu idea.

Mungkin sebahagian tenggelam terlalu dalam dalam memperjuangkan politik Islam, ekonomi Islam, sosial Islam, pendidikan Islam dan sistem hidup Islam yang satu masa dulu terabai. Ini membuatkan kita berlebihan sehingga melupakan aspek ruhi, imani dan dini dalam *muadalah* (formula) pertembungan.

Justeru kita mungkin kecewa bila melihat umat Islam sangat jauh terkebelakang dalam aspek-aspek tersebut (politik, ekonomi dan sebagainya), tetapi saya menyeru agar kita kembali kepada hakikat dan memulihkan keseimbangan.

Kita perlu balik kepada penekanan kepada dakwah, tarbiyah dan pendidikan dan mengajar umat dengan al-Quran dan as-Sunnah dan mentarbiyah mereka atas akhlak *rujulah* (kepahlawanan).

Saya tidak maksudkan tasawwur kesyumulan Islam tetapi yang saya maksudkan adalah dari segi penekanan amal yang kadang-kadang berlebihan dengan aktiviti politik sehingga aspek pendidikan dan tarbiah diserahkan kepada agen dan media musuh. Akhirnya kita mungkin menang kerusi tetapi masyarakat semakin jauh dari agama Islam.

Oleh itu Isma melihat peranannya yang utama di marhalah ini ialah menumpukan kepada aspek dakwah Islamiyyah, tarbiyah dan agenda pembudayaan. Saya menyeru ahli-ahli Isma KHUSUSNYA KEPEMIMPINAN AGAR MEMAHAMI BENAR-BENAR PERANAN KITA INI.

Pandangan dan pendirian kita ini ingin kita kongsi dengan rakan-rakan. Bukan untuk bersaing tetapi untuk membahagi tanggungjawab. Bahkan ini menunjukkan bahawa kita dengan jelas mengiktiraf segala usaha yang dilakukan oleh semua pihak tanpa mengira sifat dan aliran.

Kempen Penggarapan Umum

Kita kini memasuki suku akhir dalam pelaksanaan perancangan strategi 2006-2010. Kita telah membuat *review* dan hasil dari itu Isma melancarkan satu kempen ke arah satu lonjakan amal yang kita namakan Kempen Penggarapan Umum.

Berdasarkan penilaian, pencapaian kita di pertengahan sesi 2006-2010 hampir 60% sasaran telah kita capai. Wujud peningkatan ketara dari segi bilangan ahli, peningkatan kemahiran asas pengendalian tarbiah dan telah berlaku *establishment* manhaj amal di bidang dakwah remaja, belia, wanita dan juga sebahagian aktiviti sosial. Kita melihat perlu kepada sedikit perubahan orientasi jika kita mahu membuat lonjakan yang sewajarnya.

Justeru kita lancarkan kempen tersebut dan alhamdulillah ianya telah diterima baik dan dilaksanakan di banyak kawasan. Saya melihat petanda-

petanda yang sangat positif dalam perkembangan dakwah Isma hasil dari kempen tersebut.

Walaupun keraguan dan sikap teragak-agak masih wujud pada sebilangan kecil ahli, namun alhamdulillah dengan takdir Allah tragedi Gaza telah kita gunakan dengan cara paling baik bagi meningkatkan keyakinan ahli terhadap diri mereka bahawa mereka sebenarnya boleh pergi lebih jauh dari rutin yang mereka lakukan sekarang.

Saya menganggarkan selepas ini akan lahir tokoh-tokoh Isma yang akan mengambil langkah ke depan dalam membawa dakwah Islam kepada masyarakat terutama dalam soal pendidikan, ta'lim Islam yang umum dan beberapa aspek khusus serta beberapa tokoh-tokoh Isma yang lain akan lahir memperkatakan isu-isu semasa.

Gaza: Masyarakat Mithali Yang Kita Impikan

Saudara saudari sekalian,

Sewaktu ucapan ini ditulis isu Gaza masih lagi panas diperkatakan. Tiga minggu saudara kita di Palestin berhadapan dengan keganasan tentera Zionis yang setiap pagi dan petang, bersambung malam dengan siang dihujani dengan ribuat tan bom yang meletakkan 1.5 juta penduduknya dalam keadaan terancam setiap detik dan ketika.

Allah akbar ..mereka telah menunjukkan *sumud* yang *usturi* (keteguhan yang begitu bersejarah).

Satu contoh yang hidup terhadap jenis masyarakat yang kita kehendaki. Masyarakat yang membentengi perjuangan dan dakwah kita.

Biar ribuan mati,

biar ribuan tercedera,

biar rumah hancur,

biar masjid runtuh,

biar pasar ditutup,

biar jalan terputus,

biar kebuluran tiada makanan dan minuman,

biar bergelap,

biar makan bercatu.....

lisan tetap melafazkan '*tahya al-muqawamah*' (hidup perjuangan)

Masyarakat yang ditarbiah dengan tarbiah al-Quran dan as-Sunnah; inilah contoh masyarakat dakwah yang kita idamkan.

Masyarakat Gaza telah memecahkan kepercayaan bahawa masyarakat seperti itu tidak mungkin wujud. Ramai yang berfikir; cukup jika sekiranya kita mendapat kuasa, kemudian kita dakwah masyarakat. Ini pemikiran yang tidak realistik dan pemikiran yang dangkal. Dakwah Islam dan projek perubahan Islam pasti akan ditentang hebat dan ia tidak mungkin akan dapat bertahan atau kekal dalam keasliannya tanpa sokongan padu dari masyarakat.

HAMAS dipaksa mengiktiraf Israel, menerima perjanjian yang memalukan, melucutkan senjata tetapi mereka enggan dan sanggup berjuang. Apabila diserang kerana mempertahankan dasar mereka yang merupakan inspirasi rakyat Palestin, masyarakat Gaza berdiri bersama mereka. Korbankan segala apa yang mereka sayangi. "Buatlah apa yang mereka mahu buat. Bunuhlah seberapa ramai yang mereka suka. Bomlah sebanyak mana yang mereka mahu. Palestin adalah bumi kami. Kami tidak akan meninggalkannya... '*tahya al-muqawamah*'.

Contoh yang hidup dalam sebuah masyarakat yang ditarbiah dengan tarbiyah al-Quran dan as-Sunnah. Masyarakat yang mendokong dakwah serta sanggup bersama dakwah hingga ke titisan darah yang terakhir. *Allahu Akbar*. Ia adalah pengalaman yang amat unik dan hidup.

Umat seluruhnya bangkit. Umat masih hidup. Ruh jihad masih mengalir dalam tubuh umat ini. Ayat-ayat pengorbanan, pertalian *wala'* antara muslimin, kewajipan *an-nusrah* menyala kembali. Ia bukan semata-mata disebabkan sentimen yang digerakkan oleh kengerian melihat letupan bom atau roket. Tetapi ia adalah kembalinya *iradah* (kehendak), *izzah* (kemuliaan) dan *quwwah* (kekuatan) kepada umat.

Musibah terbesar yang dihadapi oleh umat Islam hari ini ialah masalah sebahagian kepimpinan mereka yang menjalin hubungan *wala'* dengan musuh-musuh Allah. Pemerintah-pemerintah ini bersifat munafiq, memberikan *wala'* kepada Barat sedangkan dalam masa yang sama mengucapkan kalimah syahadah. Firman Allah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada

mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah (s.a.w) dan juga mengeluarkan kamu (dari tanah suci Makkah) disebabkan kamu beriman kepada Allah, Tuhan kamu. (janganlah kamu berbuat demikian) jika betul kamu keluar untuk berjihad pada jalanKu dan untuk mencari keredaanKu. (tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedang Aku amat mengetahui akan apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang demikian, maka sesungguhnya telah sesatlah ia dari jalan yang betul.” (Al-Mumtahanah: 1)

Mereka menghalang kebangkitan umat dan lebih mendengar arahan musuh dari menyahut rintihan masyarakatnya.

Wahai pemerintah, kembalilah kepada Islam!

Kembalilah kepada kesatuan Islam!

Kembalilah kepada masyarakat dan rakyat Islam yang inginkan kemuliaan dan *izzah!*

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Isma masih yakin dengan keupayaan umat ini untuk bangkit menyentak ketuanan yang asalanya milik mereka dari tangan Barat. Langkah penting untuk itu adalah:

1. Umat perlu dididik agar mempunyai kehendak yang kuat untuk keluar dari ketuanan Barat
2. Umat perlu kembali ke *wehdah Islamiah* (penyatuan semula umat di atas asas Islam)
3. Pemimpin-pemimpin umat Islam perlu mengambil sikap baik dengan rakyatnya

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada ahli-ahli Isma yang walaupun saiznya masih kecil untuk menanggung beban masalah umat yang sangat besar, tetapi tuan-tuan telah membuktikan keaslian *intima* dengan mengambil tanggungjawab membawa perjuangan Palestin ke dalam negara ini secara berterusan. Dan sebelum ini isu Iraq yang jarang ditangani oleh mana-mana badan di dunia. Alhamdulillah Isma bertitik dari akidah dan *wala* yang tulen telah membawa isu tersebut dalam perjuangannya.

Penyelesaian Isu Ummah Hanya di Tangan Ummah

Ayyuhal Ikhwan,

Saudara saudari sekalian,

Dunia seolah-olah menunggu sesuatu harapan baru dari Obama yang menyandang jawatan orang nombor satu dunia baru-baru ini. Seluruh dunia seperti gembira dengan kemenangannya kerana begitu sengsara di bawah kepimpinan Bush. Tetapi adakah Obama benar-benar akan melakukan perubahan? Sesiapa yang memahami sistem Amerika tidak akan meletak harapan tinggi, kerana politik dan dasar negara Amerika bukan ditentukan oleh individu tetapi ditentukan oleh sebuah institusi.

Adakah Obama akan membelakangkan keutamaan kepentingan Amerika dan rakyat Amerika dalam siasahnya untuk memberi keadilan kepada masyarakat dunia? Saya tidak tahu kenapa masyarakat dunia begitu berharap. Adakah disebabkan namanya Barack Husein Obama atau kerana beliau bukan dari keturunan kulit putih?

Saya percaya lagi kuat kebergantungan kita kepada negara kuasa besar itu (tidak kira apa namanya), lagi hinalah nasib yang akan menimpa ummah ini.

Ayyuhal Ikhwan,

Pada kita, penyelesaian masalah ummah Islam ialah dengan mereka berazam untuk keluar dari cengkaman politik kuasa besar dunia dan kembali kepada 'kesatuan Islam'. Kemudian mengukuhkan hubungan kerjasama antara negara-negara ummah Islam dari segi politik, ekonomi, perdagangan, ketenteraan dan kebudayaan.

Kita tidak kurang sumber kekayaan. Kita juga tidak kekurangan rijal. Tetapi kita kekurangan keberanian untuk merdeka.

Senario Pasca PRU 12

Saudara saudari sekalian,

Manakala situasi di dalam negara, kita baharu sahaja keluar dari situasi 'kaget' dengan keputusan PRU 12 dan apa yang melingkungi peristiwa tersebut samada sebelum atau selepas pilihan raya.

Keputusan PRU 12 menunjukkan sedikit sebanyak kematangan demokrasi dimana semua pihak menerima kehendak rakyat dengan baik. Ia juga

menunjukkan bahawa pengundi Malaysia boleh merubah suara mereka bagi merealisasikan maksud 'kuasa rakyat', itu juga satu yang bagus. Ini berlaku di dalam undi bangsa Cina dan India.

Namun di sebalik itu, PRU 12 menyingkap satu fenomena yang menunjukkan kekeliruan yang besar dalam politik Melayu/Islam. Orang Melayu Muslim yang berbagai ideologi politik terperangkap dalam kemelut di antara kepentingan umum ummah dengan percanggahan kepentingan politik masing-masing.

Ini menyebabkan pendirian Melayu Muslim lemah dan diambil kesempatan oleh orang bukan Islam. Orang Islam hanya boleh melihat sahaja lantaran terikat dengan kepentingan *tahaluf* (persepakatan) politik masing-masing, atau terpaksa akur atau belot untuk *survival* politik masing-masing, sehinggalah Sultan terpaksa masuk campur untuk mempertahankan kedudukan Islam dan orang Melayu.

Ini satu keserabutan besar dalam jati diri politik Melayu. Justeru saya ingin bertanya di sini: untuk apa orang Melayu berpolitik? Orang Melayu dalam Barisan Nasional dan orang Melayu di dalam Pakatan Rakyat, untuk apa mereka berpolitik jika masa depan ummah boleh terancam dan tergadai? Adakah politik kita menjadikan kita lebih mengambil hati rakan dalam pakatan daripada mempertahankan kepentingan ummah?

Oleh itu saya ingin mengajak semua pihak agar kembali ke landasan Islam dan jelas apa yang kita dambakan dalam politik kita iaitu ketuanan Islam. Isma sebagai NGO tidak menyebelahi mana-mana pihak berdasarkan sentimen kepuakan tetapi berlandaskan kebenaran dan fakta.

Saya memuji kenyataan Tuan Guru Ustaz Abdul Hadi Awang yang bertegas meletakkan syarat majoriti orang Islam dalam pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat.

Saya juga mengalu-alukan kenyataan Dato' Sri Najib yang ingin merujuk masalah hubungan bukan Islam kepada hukum *zimmi*.

Kekeliruan Politik Melayu Muslim

Saya melihat masalah ini berpunca dari kekeliruan dalam *tasawwur* terhadap beberapa masalah:

1. Isu keislaman negara Malaysia
2. Masalah hubungan antara Islam dan kaum dari segi *asobiyah* dari satu sudut dan dari segi sekular dari sudut yang lain.

Isu Keislaman Negara Malaysia

Kalimah negara mengikut ulama' merujuk kepada tiga perkara:

1. Tanah air
2. Bangsa manusia yang tinggal di dalamnya
3. Sistem yang dipakai

Fakta sejarah menunjukkan bahawa Malaysia pada asalnya adalah Tanah Melayu yang diperintah oleh orang Melayu yang beragama Islam sejak berkurun lamanya. Sehingga kini Melayu Muslim masih merupakan majoriti yang mewarisi pemerintahan sejak turun temurun.

Cuma yang kurangnya ialah sistem pemerintahan yang diasaskan atas dasar sekular yang pada kadarnya memisahkan agama dengan politik. Bahkan apa yang dikatakan sebagai undang-undang agama itu pun dari segi kandungannya tidak menepati hukum agama sepenuhnya. Ini yang perlu diperbaiki. Secara *de facto* Islam dan orang-orang Islam masih lagi menduduki tempat yang istimewa dalam kenegaraan Malaysia.

Ini menunjukkan bahawa secara amnya Malaysia tergolong dalam negara Islam bukan negara kafir seperti yang difahami oleh sesetengah golongan. Justeru itu usaha secara sepakat perlu dilakukan oleh seluruh organisasi yang mewakili ummah Islam ke arah memperbaiki kedudukan Islam dan muslimin supaya kita dapat kembali pada kedudukan Islam yang lebih kukuh dan menamatkan pengaruh penjajahan dalam amalan kenegaraan kita yang hanya menguntungkan bukan Islam.

Kelemahan yang kita lihat hari ini adalah berpunca dari sistem yang ditinggalkan oleh penjajah sehingga orang bukan Islam berani mencabar kedudukan Islam dan agama Islam. Walau pun perkara tersebut dijamin oleh perlembagaan tetapi secara politik keadaan ini boleh berubah. Oleh itu kita menyeru kepada politikus Melayu agar memahami batasan dalam berpolitik. Jangan jadi menang sorak kampung tergadai.

Saya berppendapat zaman rejim nasionalis sekular sudah berakhir. Kita kena cari formula baru dan inilah masanya uuntuk kita berubah dan kembali kepada Islam. Sebab Islam sahaja yang akan menyelamatkan kita.

Hubungan Islam dan Melayu

Isu kedua yang menyebabkan ketidaktentuan politik Melayu ialah kekeliruan dari hubungan Islam dengan nasionalisme. Orang Melayu terbahagi kepada beberapa kumpulan dalam masalah ini.

Yang pertama:

Pihak memperjuangkan Islam semata-mata sebagai nilai *universal* tanpa memasukkan unsur bangsa dalam kefahaman perjuangan Islam mereka. Semua yang bunyinya bangsa ditafsirkan sebagai *asobiyyah* dan diletakkan sebagai sesuatu yang dilarang oleh agama.

Itu secara konsepnya betul tetapi mereka telah melupakan bahawa Islam harus ditegakkan dalam diri ummah dan dibangunkan oleh satu kelompok ummah. Ia tidak berlaku dengan sendirinya. Dalam konteks Malaysia, orang Melayu adalah majoriti ummah Islam. Maka *by de facto* perjuangan Islam sepatutnya tidak boleh melupakan kedudukan Melayu.

Yang kedua:

Pihak yang memperjuangkan bangsa atas asas pemisahan antara agama dari politik. Politik Melayu tidak terikat sepenuhnya dengan politik Islam. Walau pun Melayu mempunyai kelebihan dari segi politik di sepanjang sejarah tetapi kedudukan Islam masih lagi ditahap terhad kepada penganutnya dan belum lagi menjadi *nizam am* (sistem umum) kepada *daulah*. Walau pun pada hakikatnya kedudukan Islam *by de facto* adalah sesuatu yang tidak boleh diketepikan dalam perjuangan bangsa Melayu di Malaysia.

Yang ketiga

Golongan yang membawa aspirasi perjuangan rakyat dan membawa ideologi *multi racial*. Mereka memperjuangkan kesamarataan mutlak dan kesamaan dari segi agama dan bangsa. Fahaman ini meletakkan bangsa sebagai sama dan mengenenpikan sama sekali peranan agama Islam pada bangsa Melayu. Jadi orang Melayu walau pun beragama Islam tidak memiliki apa-apa kelebihan dalam negara ini sebab negara ini adalah negara rakyat bukan negara Islam. Walaupun akhirnya mereka mengakui juga *by de facto* peranan Melayu dan kedudukan agama Islam seperti dalam perlembagaan.

Yang menjadi juara dalam ketiga-tiga pendekatan ini semuanya adalah politikus Melayu Islam. Ini menunjukkan kekeliruan yang nyata dalam identiti politik Melayu. Saya tidak bercakap kepada golongan tertentu tetapi menyentuh identiti Melayu/Islam secara keseluruhan.

Dalam ketiga-tiga format ini Melayu dan Islam dilihat terpisah dalam pemikiran politikus Melayu.

Golongan pertama tidak ada agenda berasaskan bangsa walaupun *by de facto* orang Islam adalah orang Melayu.

Golongan kedua pula menjadikan agenda berasaskan bangsa Melayu tetapi memahami Islam dalam pandangan sekular, maka akhirnya Islam tidak menjadi *dhowabit* (neraca) atau ukuran. Akhirnya Islam dijadikan sebagai agenda politik dan bukannya sebagai landasan dan tujuan.

Golongan yang ketiga juga tidak menjelaskan kedudukan Melayu dan sekali gus kedudukan Islam dalam perjuangan mereka kerana perjuangan berasaskan kepada rakyat dan rakyat pula pelbagai kaum dan agama.

Dalam ketiga keadaan ini Islam dan Melayu terpisah lalu mengakibatkan kelemahan kepada orang Melayu dan boleh dilagakan oleh bukan Islam. Ini menyebabkan pendirian politik Islam lemah.

Pandangan Isma

Isma berpendapat bahawa jika kita mahu mengambalikan kemegahan kita, kita harus menggabungkan antara Islam dan Melayu dalam perjuangan kita. Melayu harus menjadi ummah yang mendokong perjuangan Islam. Kecemerlangan Islam harus dimanifestasikan dengan kecemerlangan orang Melayu.

Perjuangan Islam ialah perjuangan memartabatkan Melayu dan perjuangan Melayu ialah untuk menjadi bangsa tonggak dalam pelaksanaan Islam di negara ini bahkan di rantau ini.

Mungkin ianya nampak sukar apabila kita mengaitkannya dengan prestasi Melayu sekarang dan apabila kita takut perasaan Muslim yang bukan Melayu tersinggung.

Inilah satu noktah yang perlu kita jelaskan:

- Membangunkan orang Melayu satu tanggungjawab yang tidak boleh ditinggalkan oleh orang Melayu. Kalau tidak, lebih baik jangan berjuang dan kita tidak perlu masuk politik.

- Dari segi perasaan Muslim bukan Melayu kita harap mereka dapat memahami *waqi'* (realiti) ini. Hakikatnya kita adalah satu ummah. Kebangsaan dalam Islam tidak menjadi alasan untuk membezakan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Maknanya kalau Muslim Cina lebih layak maka mereka boleh memimpin. Noktah yang kita tekankan ialah dari segi Islam. Tidak juga kita berpendapat bahawa Cina dan India itu bangsa kafir dan Melayu bangsa Islam. Tidak juga dimaksudkan bahawa masuk Islam bererti kena masuk Melayu. Sebaliknya bagi kita semua bangsa Islam adalah satu ummah.

Cuma apa saya ingin jelaskan di sini ialah kedudukan bangsa dari segi struktur masyarakat Islam merupakan satu yang diiktiraf oleh Islam. Dalam

sejarah Islam, sistem politik dibentuk oleh komponen bangsa yang mereka wakili.

Ustaz Mahmud al-Bardawi berkata di dalam kajiannya:

“Perlantikan seseorang pemimpin ke atas satu satu kumpulan bukanlah beasaskan sistem Islam semata-mata. Sesungguhnya bagi setiap kabilah ada pemimpinnya dan bagi suku kabilah ada pemimpinnya”. (m/s 191)

“Islam telah menerima dan mengesahkan sistem ini di mana Rasulullah s.a.w mengekalkan pemimpin musyrikin sebagai pemimpin semenjak mula pembentukan benih negara Islam pada malam Aqabah yang kedua. Baginda memerintahkan jamaah Islam melantik 12 orang naqib untuk mejadi wakil kumpulan masing masing. Lalu dilantik 9 daripada Khazraj dan tiga daripada Aus.” (m/s 192). Ini kerana semasa baiah Aqabah kedua hanya dua kabilah Aus yang Islam dan enam dari kalangan Khazraj. Bermakna seorang naqib mewakili dua kabilah.

Menjelaskan dakwaan tersebut Ust Mahmud al Bardawi mengulas lagi dengan katanya:

“Pemilihan nuqaba’ tidak berlaku berasakan siapa yang awal di kalangan mereka menganut Islam atau mempelupuri perkara itu. Ini kerana daripada dua belas lelaki yang berbaiah pada baiah Aqabah yang pertama, hanya empat orang sahaja dipilih sebagai naqib. Bahkan dari kalangan nuqaba’, ada yang baru memeluk Islam iaitu Abdullah bin Amru. Berkata Kaab bin Malik: “Kami keluar menunaikan haji. Bersama kami Abdullah bin Amru bin Haram, Abu Jabir, salah seorang ketua kaum kami dan dari kalangan bangsawan. Lalu kami bercakap dengannya tentang Islam dan dia pun masuk Islam dan hadir bersama kami menyaksikan aqabah dan dia seorang naqib.” Ini menunjukkan bahawa Abdullah dipilih bukan atas dasar awalnya dia memeluk Islam tetapi kerana dia adalah ketua kaumnya, Bani Salamah. Ada naqib yang kedua iaitu Barra’ bin Ma’rur. Dia adalah dari kalangan orang yang pertama memeluk Islam dari kalangan Ansar, orang pertama mengadap kiblat semasa hidup dan mati dan orang yang pertama mewasiatkan 1/3 dari hartanya. Ia telah meninggal dunia sebelum hijrah Rasulullah s.a.w yang menunjukkan bahawa ia dipilih sebagai Naqib bukan kerana ia sebagai ketua kaum sahaja tetapi juga kerana awalnya dia memeluk Islam.”

Bagi memendekkan nukilan, setelah menghurai ciri-ciri naqib setiap seorang, Ustaz Mahmud Bardawi membuat kesimpulan: *“Daripada kajian terhadap sifat-sifat yang menjadi ciri kepada setiap nuqaba’, jelas kepada kita bahawa yang menjadi asas kepada pemilihan nuqaba’ ialah samada mereka itu ketua kaum yang mewarisi jawatan ketua secara turun temurun atau mereka yang memiliki kemampuan dan kebolehan yang menjadikan mereka lebih menonjol atau terkedepan daripada rakan-rakan mereka yang lain atau mereka adalah pelupor atau yang terdahulu memeluk Islam (agama baru). Namun keutamaan atau putusan bagi mereka yang memeluk Islam lebih awal.”*

Begitulah nuqaba' dilantik silih berganti menjadi *ahli halli wal aqdi*. Kesimpulannya yang saya ketengahkan ialah perkiraan kaum kekal menjadi sebahagian dari sistem politik Islam tetapi hendaklah kepuakan ini menjadi puak Islam yang berkhidmat untuk Islam dan memelihara tujuan Islam perundangannya dan beriltizam dengan kebenaran serta tidak membantu kaumnya atas kebatilan.

Rasulullah s.a.w mengiktiraf *intima' al-qabali* (intima' seseorang kepada qabilahnya) bagi yang memeluk Islam sebelum pembukaan Mekah dan selepas pembukaan Mekah. Sewaktu pembukaan Mekah setiap *katibah* tentera mewakili qabilah; qabilah itu diketuai oleh fulan, katibah ini diketuai oleh fulan. Imam Bukhari dalam sahihnya meriwayatkan hadis pembukaan Mekah antara lain menyebut: "*Maka disusun qabilah-qabilah berjalan di depan Abu sufian; qabilah demi qabilah, lalu berhimpun satu katibah. Abu Sufian bertanya: "Wahai Abbas siapa ini?" Abbas r.a. berkata: "Ini qabilah Ghaffar." Abu Sufyan berkata: "Apa kena mengena aku dengan Ghaffar." Berlalu qabilah Juhainah. Ia bertanya: "Siapa ini?" Beliau ucap perkataan yang sama. Kemudian lalu Sa'ad bin Huza'im Ia ucap perkataan yang sama, Kemudian lalu qabilah Sulaim dan dia mengucapkan perkataan yang sama sehingga berlalu satu katibah yang ia tidak melihat seumpananya sebelum itu. Ia bertanya: "Siapa ini?" Beliau menjawab: "Mereka golongan Ansar diketuai oleh Saad bin Ubadah." ...hingga akhir hadis.*

Banyak lagi bukti yang saya tidak mungkin bawa semuanya di sini.

Imam al-Banna rahimahullah menyebut dalam risalah 'dakwatuna' tentang pendirian Ikhwan terhadap nasionalisme. Beliau berkata: "*Kalau dimaksudkan bahawa nasionalisme itu ialah generasi kemudian mengikuti generasi dahulu dalam mendaki tangga keagungan dan kegemilangan dan berbangga dengan kelebihan datuk nenek atas asas keturunan, maka ia satu yang mulia dan kita galakkan.*"

Beliau berkata lagi: "*Jika dimaksudkan nasionalisme itu keluarga satu kaum dan ummahnya lebih ia utama untuk mendapat kebaikan dan budi seseorang serta lebih berhak terhadap jihad dan ihsannya, maka itu juga benar.*"

Katanya lagi: "*Jika dimaksudkan dengan nasionalisme itu bahawa kita semua dituntut supaya beramal dan berjihad, maka setiap kumpulan berkerja keras untuk merealisasikan matlamat bagi pihaknya sehingga kita berjumpa di satu titik bersama di medan kemenangan maka itu pun sebaik-baik pembahagian.*"

Demikian saya nukilkan pandangan mujaddid Islam dalam masalah *qaumiah* atau nasionalisme dan batas-batas nasionalisme yang diharuskan. Kita dapati bahawa *qaumiah* ada tempatnya dalam dakwah kita. *Qaumiah* yang ditegah ialah *qaumiah* yang menyebabkan penindasan, permusuhan dan perpecahan atau nasionalis yang menghidupkan adat-adat jahiliyyah.

Melayu Quraisy Ummah Ini

Bagi menyempurnakan perbahasan mengenai perkara ini, saya nukilkan pendapat Ibnu Khaldum dalam mentafsir syarat 'quraisy' bagi seorang Khalifah. Ibnu Khaldum mentafsirnya sebagai *asobiyyah* (sokongan bangsa). Dalam konteks Malaysia majoriti Melayu akhirnya merupakan penentu kepada kemenangan mana-mana pihak dalam pilihanraya. Oleh itu sokongan Melayu adalah amat penting dalam agenda perubahan yang ingin kita bawa.

Justeru itu Isma memiliki pendirian yang jelas dalam masalah ini. Isma tidak memisahkan antara perjuangan Islam dan kebangsaan Melayu. Sebagai seorang pejuang Islam, saya mahu Melayu menjadi juara dan bangsa yang memimpin ke arah mendaulatkan dakwah Islam dan jihad *fi sabilillah*. Saya mahu bangsa Melayu menjadi bangsa yang membawa risalah Islam bukan bangsa subsidi. Tugas utama saya sebagai pejuang Islam ialah memastikan keislaman bangsa saya dan pencapaian bangsa saya dalam semua aspek gemilang. Ini tidak bercanggah dengan dasar perjuangan saya untuk menegakkan Islam. Ini tidak menyebabkan saya melihat saudara saya yang berlainan bangsa lebih rendah dari kaum saya atau kurang haknya daripada kaum saya.

Alhamdulillah sejauh yang saya perhatikan tiada *cauvinis* Melayu di Malaysia. Apa yang berlaku ialah orang Melayu berebut-rebut untuk mendapat keredaan bangsa lain sehingga membelakangkan bangsa sendiri. Saya juga melihat golongan kebangsaan Melayu yang memperjuangkan kebangsaan Melayu dengan menghidupkan budaya dan adat-adat yang bertentangan dengan Islam. Itu kita tidak sokong sama sekali.

Gagasan Isma ialah mengorak langkah ke arah kesatuan ummah bermula dengan kesatuan bangsa Melayu yang Islam.

Saya percaya semua pihak tidak ingin melihat masa depan bangsa yang lebih buruk berlaku. Justeru Isma menyeru semua pihak kembali ke landasan yang betul.

Berdasarkan kepada itu semua, Isma ingin mengumumkan pendekatan pertengahan berdasarkan pandangan yang jelas terhadap kesyumulan islam, kedudukan bangsa dalam Islam dan realiti bahawa bangsa Melayu adalah bangsa Islam terbanyak di negara ini tanpa mengurangkan hak bangsa lain **bahawa Isma memperjuangkan penegakan Islam dengan memperkasa kedudukan Melayu (semua Muslim Melayu) (ketuanan Melayu) dalam semua lapangan kehidupan.**

Dalam rangka tersebut Isma berjuang untuk memperjuangkan Melayu sebagai bangsa risalah, bangsa perjuangan yang mewarisi tamadun, keagungan dan kemegahan silam.

Ia bukan sekadar perjuangan membela nasib seolah-olah Melayu bangsa orang asli yang diancam kepupusan. Tidak juga sekadar memperjuangkan nilai

universal yang mengabaikan peranan bangsa atau menyamakan kedudukan bangsa sehingga mengabaikan peranan agama.

Pada pandangan Isma, konsep kenegaraan Islam adalah terbaik dalam menjaga dan menjamin penerusan ketuanan Melayu. Melayu yang mendokong Islam adalah paling ampuh dalam menjamin kejayaan perjuangan Islam.

Kita harus menyemarakkan perjuangan Islam dalam jiwa Melayu sehingga mereka menjadi bangsa yang memimpin, membawa keadilan dan kesaksamaan kepada ummah manusia. 'Jiwa besar' ini harus dikembalikan semula kepada setiap individu Melayu Muslim. Ini tidak menafikan peranan muslim yang lain di dalam satu ummah tanpa diskriminasi atau perbezaan dari segi hak atau pun tanggungjawab.

Halangan dan Ancaman

Halangan halangan

1. Sekularisme dalam sistem pemerintahan
2. Rasuah
3. Semangat kepartian mengatasi *mafhum wehdah Islamiyyah*.

Ancaman

1. Muncul gerakan bukan Islam yang tersusun yang ingin menggunakan sistem yang ada untuk kepentingan mereka
2. Masalah kekeliruan identiti di kalangan ummah Islam

Penutup

Isma akan mengambil tanggungjawab untuk mewujudkan suasana ‘*hiwar* (dialog) yang sihat’ di kalangan pemimpin Melayu. Isma percaya perlu ada syiling dalam politik Melayu yang tidak boleh dilanggar oleh mana-mana pihak. Objektif Isma ialah melahirkan generasi yang celik politik melalui tarbiah *siasiah* yang berlandaskan *maqasid syar’ieyyah*.

Saya dengan ini yakin bahawa dakwah Isma mempunyai masa depan yang cemerlang lantaran ia memiliki ciri-ciri sebuah organisasi dakwah yang berjaya. Antara petanda kejayaan ialah:

1. Isma memiliki visi dan misi yang unik
2. Isma memiliki pemimpin muda yang berkaliber
3. Isma mempunyai manhaj amal yang *establish* dalam segenap bidang khususnya bidang-bidang utama
4. Isma memiliki sistem perkaderan yang kemas

Semoga keberkatan, *taufiq* dan pertolongan Allah akan sentiasa mengiringi setiap langkah Isma dari hari ke hari sehinggalah ke titik kesudahan yang dikehendaki Allah.

Wallahu a’lam. Sekian wassalam.

Abdullah Zaik Abd Rahman

Presiden Isma